

Kursus Train the Trainer Laluan Melalui Pengecuaian HRDCorp (HRDCorp Exception)

Adakah ingin menjadi seorang trainer/penceramah tetapi tidak jelas kaedah serta langkah penyediaan program menarik yang dapat memberikan impak tinggi kepada para peserta?

Adakah anda tahu kaedah pembentangan dan penyampaian yang memberikan kesan positif dan mendalam kepada para peserta?

Anda Ingin bertukar latihan dari fizikal kepada virtual tetapi tidak arif mengenai caranya?

Pengenalan

Sememangnya era abad ke-21 ini dan sekarang ini merupakan zaman pasca Covid-19 sentiasa berkembang dan seorang pelatih (trainer) dilihat sebagai komponen kritikal terutamanya dengan perubahan harapan peserta program, evolusi teknologi baru, penemuan kaedah latihan baru, munculnya pendekatan training baru dan sebagainya. Trainer atau jurulatih bengkel membawa peranan besar dalam memastikan berlaku pengalihan kemahiran, teknologi dan maklumat daripada dirinya kepada peserta yang berada di dalam sesebuah program. Sebuah kursus yang baik adalah di mana kesan/impaknya berpanjangan kepada para peserta sehingga transformasi dan mereka mengaplikasi ilmu kursus tersebut.

Program praktikal dan interaktif ini bertujuan mendekatkan peserta ke alam ‘training and development’, menjelajahi pelbagai teknik, mengaplikasi teknologi serta menggunakan pelbagai kemudahan/alatan yang digunakan oleh trainer professional semasa pengendalian program.

Objektif Program

Program ini bertujuan untuk:

- Meningkatkan keberkesanan peserta menjadi trainer yang profesional dan berjaya
- Mendedahkan peserta mencapai sasaran iaitu peralihan kemahiran, teknologi dan maklumat
- Mengajar peserta fokus kepada 3 tahap penguasaan untuk Model Penilaian Latihan Kirkpatrick iaitu Reaksi, Pembelajaran serta Tingkah Laku

Hasil pembelajaran

Setelah tamat program, para peserta seharusnya dapat:

- Memahami jurang kemahiran peserta program mereka dan matlamat organisasi serta langkah meningkatkan kualiti prestasi dan produktiviti untuk mendapatkan hasil yang lebih memuaskan

- Mengenal pasti keperluan kumpulan dan menyesuaikan bahan anda untuk prestasi dan perubahan maksimum
- Mewujudkan kredibiliti dan kepercayaan dengan peserta program mereka dan pengurusan (client mereka)
- Faham aliran dan langkah betul untuk mengendalikan kursus yang kompeten
- Membantu mengatasi kesilapan yang dilakukan oleh trainer baru

Peserta program

Trainer baru dan lama tetapi tetap berusaha memperbaiki diri dengan kemahiran dan pengetahuan dan teknik baru

Metodologi

- Platform virtual seperti yang dipilih oleh Pelanggan
- Buku kerja program
- Pembelajaran melalui kuliah, audio visual, 'role play', kuiz, aktiviti / permainan gamifikasi
- Mengkaji dan Mengaplikasikan Konsep Pembelajaran
- Persembahan interaktif dan perbincangan mikro
- Maklum balas dan penilaian (Penilaian Pra dan Pasca)

Kerangka Program

Masa	Hari Pertama
9.00 – 10.30 am	Modul 1: Kemahiran Asas Training Modul pertama akan mendedahkan peserta kepada asas training dan development, definisi dan konsep Model Penilaian Latihan Kirkpatrick, jenis latihan yang ada, penyediaan persekitaran pembelajaran yang inklusif dan perbezaan antara latihan dan kuliah
10.30 - 10.40 am	Ujian Pra & Markah
10.40 - 11.00 am	Minum pagi
11.00 am - 1.00 pm	Modul 2: Pembelajaran Orang Dewasa Modul ini akan mendekatkan peserta kepada prinsip pembelajaran orang dewasa (adult learning principles), gaya pembelajaran yang berbeza (VAKAD), gaya pembentangan berkesan

1.00 - 2.15 pm	Makan tengahari & solat zohor
2.15 - 3.30 pm	Modul 3: Kemahiran Berkomunikasi Peserta akan mempelajari cara model komunikasi, do's dan don'ts semasa pembentangan serta halangan orang dewasa belajar
3.30 - 3.45 pm	Minum petang
3.45 - 5.00 pm	Modul 4: Penyediaan Sesi Latihan Modul ini membantu peserta memahami penentuan objektif sesebuah program, pengenalan, 'mind map' kandungan sesi tersebut dan membina mekanik persembahan
Tamat Hari Pertama	

Masa	Hari Kedua
9.00 – 10.30 am	Modul 5: Penyampaian/pembentangan Kursus Modul ini membolehkan peserta memahami dan mengenal konsep latihan yang dipimpin oleh Instruktur (ILT), atau latihan di kelas, bentuk latihan yang paling tradisional, yang paling berkesan digunakan pemahaman keseluruhan mengenai topik latihan, Bilik Darjah Maya (virtual classroom), E-Pembelajaran (e-learning), Pembelajaran Mudah Alih (Mobile learning) dan Pembelajaran yang disesuaikan (Blended learning)
10.30 – 10.45 am	Minum pagi
10.45 am – 12.45 pm	Modul 6: Menilai Pembelajaran Modul lima merancang penilaian yang berkesan iaitu Ujian Pra dan Pasca, cara membuat soalan, penilaian berbentuk virtual atau fizikal dan alat penilaian yang digunakan seperti Google Form, Jotform, aplikasi WhatsApp, Telegram dan sebagainya
12.45 - 2.00 pm	Makan tengahari & solat zohor
2.00 - 3.30 pm	Modul 7: Pengendalian Peserta Modul ini mendalami teknik dan tips pengendalian peserta yang mencabar dan sukar, jenis peserta yang biasa, cabaran dan jalan penyelesaian yang sesuai serta menangani gangguan (distractions)
3.30 – 3.45 pm	Minum petang
3.45 – 4.45 pm	Modul 8: Maklumbalas Kursus

	Modul ini mendedahkan peserta kepada pelbagai teknik maklum balas seperti teknik sandwich dan cadangan senarai semak AEIOU. Selain itu, peserta akan diberi tips elemen untuk dimasukkan ke dalam sebarang Soal Selidik Penilaian Latihan. Aspek ini penting untuk dapat menganalisa, dan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan prestasi program serta trainer
4.45 – 5.00 pm	Ujian Pasca, Markah & Sesi Bergambar
Program tamat	